



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (62)

Tarikh : 3 Oktober 2021

SIARAN MEDIA

PROGRAM PENUTUP MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK) OUTREACH 1.0

GEORGETOWN, 3 Oktober 2021 – YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berkesempatan meninjau proses pemberian vaksin sempena Program Penutup Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) *Outreach* 1.0 di Pusat Pemberian Vaksin Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pagi ini.

Turut hadir ialah YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Haji Ahmad bin Darus, Setiausaha Politik YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), serta ketua-ketua jabatan dan bahagian dari KPKT.

Sejumlah 5,200 dos suntikan vaksin kedua dijadualkan di dua lokasi di Pulau Pinang akan diterima oleh penduduk sekitar Georgetown dan Seberang Perai Utara menerusi pelaksanaan Program *Outreach* MOVAK yang dibantu oleh 60 orang petugas dan sukarelawan pada hari ini.

Secara keseluruhan, sebanyak 84,868 dos suntikan vaksin telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Program Outreach MOVAK ini bermula pada 23 Ogos 2021 yang lalu. Sehingga kini, ia telah pun dilaksanakan di tujuh buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Program *Outreach* MOVAK ini merupakan inisiatif bersama KPKT dan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang digerakkan ke seluruh negeri di Semenanjung Malaysia bagi mewujudkan ekosistem sokongan dalam mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada komuniti.

Sebanyak 12 unit bas penumpang yang diubah suai berdasarkan spesifikasi yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah digunakan sebagai *Mobile Vaccination Unit* (MVU) yang menjadi imej utama pelaksanaan program ini.

KPKT memfokuskan pemberian vaksin kepada golongan sasaran seperti penjaja dan peniaga kecil termasuk penjaja pasar malam, pasar tani/pagi, komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR), masyarakat bandar, luar bandar, kampung-kampung tradisional serta perkampungan orang asli.

Pelbagai usaha telah digerakkan oleh Kerajaan dalam memastikan agar tiada komuniti atau golongan yang tercicir dalam mendapatkan suntikan vaksin ini. Justeru, KPKT sedang merancang untuk melaksanakan Program MOVAK *Outreach* 2.0. di masa akan datang yang mensasarkan golongan penduduk yang belum divaksin di kawasan PPR termasuk golongan remaja berumur 12 hingga 17 tahun.

Pelaksanaan program ini mendapat sokongan penuh dari KKM, MOSTI, Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF), Jabatan Kesihatan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, petugas kesihatan dari pihak swasta (ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.), PDRM, serta sukarelawan dari Jabatan Belia dan Sukan, Badan Bukan Kerajaan dan komuniti setempat.

Penggemblengan usaha kerajaan dan NGO ini diharapkan dapat membantu kelancaran pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan seterusnya mempercepatkan imuniti kelompok untuk seluruh Keluarga Malaysia.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my